08/2019 (9-12) SEP - DEC 2019 EDITION

# OUTREACH

LOCAL ORGANISATION WITH GLOBAL OUTREACH

Yayasan Sarawak




MS-6

SARAWAKKU SAYANG

JAGA SARAWAK • INTU SARAWAK

ANUGERAH KHAS KETUA MENTERI SARAWAK KE-27

15 NOVEMBER 2019

DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK




MS-7

“Catalyst In Education Development Towards Quality Human

Yayasan Sarawak

## *Visi*

Untuk menjadi yayasan bertaraf dunia dalam membangun modal insan yang berkualiti di Sarawak.

## *Misi*

Beriltizam untuk memacu pembangunan modal insan yang berkualiti untuk Sarawak melalui bantuan dan sokongan yang berkesan.

## *Nilai-Nilai Teras*

Berintegriti
Berhemah dan Prihatin
Profesionalisma
Sikap Bersegera dan Kepunyaan
Semangat Berpasukan
Berorientasikan Pencapaian

# KANDUNGAN


4 Dari Meja Pengarah

5 Dari Meja Ketua Editor

**Berita Utama**

6 Majlis Anugerah Khas Ketua Menteri Sarawak (AKKMS) Kali Ke-27

7 Yayasan Sarawak Menang Anugerah Emas Piala Setiausaha Persekutuan Sarawak Kategori Agensi Utama Negeri

8 Majlis Konvokesyen Taska Tadika Yayasanku Sayang Siri 9/2019

**Info Pendidikan**

9 Pameran Sarawak Inspires Sempena Program Lan Berambeh Anak Sarawak

10-11 Program Jerayawara Pendidikan Yayasan Sarawak Zon Selatan

12-13 Majlis Penyampaian Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Yayasan Sarawak

14 Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak 2019 Bahagian Kuching

15 Sumbangan Komputer Yayasan Sarawak Bantu Pelajar Tingkat Kemahiran Teknologi Maklumat

16 Majlis Apresiasi Pelajar Tingkatan 5 Program Pertukaran Zon Semenanjung

17 Yayasan Sarawak Teruskan Usaha Bantu Pelajar Kemahiran

17 Sesi Taklimat Dan Penyerahan Tawaran Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal Yayasan Sarawak

18-19 Nurturing The Nation's Gifted Youths

20-21 Infografik Penajaan Yayasan Sarawak

**Info Korporat**

22 Sesi Taklimat Korporat Yayasan Sarawak Bersama Delegasi Setiausaha Politik dan Unit Komunikasi Awam Sarawak

23 Istiadat Perbarisan dan Rapat Raksasa Hari Jadi Ke-83 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak

**Info Korporat**

23 Perarakan Sambutan Maulidur Rasul 1441 Hijrah

24 Bengkel Pelan Strategik Yayasan Sarawak

25 Kursus Orientasi Jabatan Warga Kerja Baharu

26 Kem Jatidiri dan Pemerkasaan Warga Yayasan Sarawak

27 Malam Jasamu Dikenang Pegawai dan Warga Kerja Bersara

**Info Taska Tadika Yayasanku Sayang**

28 Pameran Sempena Randau Perkembangan Awal Kanak-Kanak

29 Majlis Akhir Tahun Taska Tadika Yayasanku Sayang

**Info Sukan, Riadah & Kebajikan**

30 Hari Keluarga Yayasan Sarawak 2019

31 Pasukan Yayasan Sarawak - Puteri Dang Balai Raja Sungai Batang Kayan 2019

32 Yayasan Sarawak Juara Liga Kuching LSC 2019

33 Lain-Lain Aktiviti

34~35 **Galeri Foto**

36 **Pusat Pembelajaran**

37 **Testimoni Pelajar / Ibu Bapa**

38 **Premis Yayasan Sarawak Untuk Sewaan**

39 **Direktori Yayasan Sarawak**

## *Dari Meja*
# PENGARAH

Yayasan Sarawak

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Yayasan Sarawak telah menerima Anugerah Setiausaha Persekutuan Sarawak (AKPANS) 2019 melalui kategori "Agensi Utama Negeri" yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Anugerah ini sekaligus mengiktiraf hasil usaha Yayasan Sarawak terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan berkualiti, pengurusan dan tadbir urus yang cekap dalam memanifestasikan misi Yayasan Sarawak kepada rakyat Sarawak khususnya.

Pencapaian sepanjang tahun 2019 oleh Yayasan Sarawak dalam memberikan khidmat bantuan pendidikan kepada anak-anak Sarawak amat dibanggakan. Yayasan Sarawak telah meluluskan pinjaman pelajaran berjumlah RM60.1 juta pada tahun 2019; peningkatan sebanyak 122.39 peratus daripada tahun sebelumnya.

Bagi pencapaian biasiswa penuh menerusi Biasiswa Tun Taib dan Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman (YBSTAR) serta Biasiswa Perubatan UNIMAS termasuk Hadiah Galakan Ke IPT, sejumlah RM 50.8 juta telah diluluskan bagi tahun 2019 berbanding RM 35.6 juta pada tahun 2018 yang telah menunjukkan peningkatan sebanyak 42.53 peratus.

Manakala bagi program dan bantuan, Yayasan Sarawak telah menyampaikan sijil simpanan premium Bank Simpanan Nasional (BSN) berjumlah RM773,200.00 menerusi Anugerah Pelajar Cemerlang kepada seramai 1,378 orang penerima yang telah mendapat keputusan yang cemerlang pada peperiksaan SPM dan STPM.

Pada masa yang sama, seramai 19,000 baucar pakaian seragam telah diagihkan para penerima dengan peruntukan sebanyak RM4.0 juta bagi tahun 2019 serta Yayasan Sarawak telah menerima sumbangan sebanyak RM1.60 juta daripada pelbagai individu serta daripada badan-badan bukan kerajaan (NGO).

Segala apa yang telah ditekankan ini tidak dapat dilaksanakan tanpa warga kerja yang efisien dan berdedikasi. Saya secara peribadi menzahirkan rasa terima kasih kepada semua warga kerja Yayasan Sarawak di atas komitmen tinggi dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dalam memastikan kejayaan dan pencapaian yang dikecapi sepanjang tahun 2019.

Kami di Yayasan Sarawak akan lebih beriltizam untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik pada tahun hadapan menerusi program-program yang sedang direncanakan seperti Program Bas Sekolah Percuma, Yayasan Sarawak BP40 Scheme untuk Swinburne University of Technology Sarawak, Curtin University of Technology Malaysia serta University College of Technology Sarawak (UCTS).

Akhir kata, Yayasan Sarawak akan meneruskan usaha untuk membantu anak-anak Sarawak dalam bidang pendidikan bagi meningkatkan taraf ekonomi serta keluarga pada masa hadapan.

*Haji Azmi bin Haji Bujang*
Pengarah Yayasan Sarawak

*" Pemangkin Pembangunan Pendidikan Ke Arah Modal Insan Berkualiti "*

## *Dari Meja*
# KETUA EDITOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah sekali lagi kita berjumpa dalam penerbitan bulletin Outreach edisi September-Disember 2019 dan merupakan penerbitan terakhir bagi tahun ini. Ini merupakan penerbitan kami edisi kali ketiga untuk tahun 2019 dan merupakan terbitan kami yang ke-8 semenjak tahun 2017.

Pada edisi kali ini kita memaparkan pelbagai aktiviti mendekati rakyat dan pelajar-pelajar sekolah serta pengiktirafan kepada Yayasan Sarawak di atas pelbagai inisiatif serta program yang telah dilaksanakan.

Pada masa yang sama, Yayasan Sarawak telah menganjurkan pelbagai aktiviti termasuklah pengiktirafan berprestij seperti Anugerah Khas Ketua Menteri Sarawak (AKKMS) Ke-27 yang mana memberikan pengiktirafan kepada sekolah, guru, pelajar serta PIBG yang telah mencapai kejayaan dalam memberikan komitmen yang tidak terhingga di dalam bidang pendidikan di Sarawak.

Pada suku ke empat 2019, Yayasan Sarawak juga telah berpeluang untuk berjumpa dan menyampaikan perkhidmatan kepada anak-anak Sarawak di Semenanjung Malaysia dalam Program Lan Berambeh Anak Sarawak yang telah diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa (MITEC) di Kuala Lumpur.

Dalam Info Korporat, kami turut memaparkan kemenangan yang diraih oleh Yayasan Sarawak apabila diumumkan sebagai pemenang Anugerah Piala Emas Setiausaha Persekutuan Sarawak bagi Kategori Negeri sempena Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) 2019 pada kemuncak acara sambutan berpusat di Borneo Convention Centre Kuching, baru-baru ini.

Dengan ini, kami sidang redaksi Outreach ingin memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan pihak kami sedia menerima sebarang teguran dan input bagi menambahbaik keluaran Outreach kami di masa hadapan.

"Selamat Menyambut Hari Natal dan Tahun Baru 2020"

Jumpa lagi di edisi yang akan datang.

SURYANI BINTI ABDUL HAMID
Ketua Editor


# SIDANG EDITORIAL

***Penasihat***
Haji Azmi bin Haji Bujang
Haji Mersal bin Abang Rosli

***Ketua Editor***
Suryani binti Abdul Hamid

***Editor***
Muhamad Rahman bin Sallehin

***Pembaca Pruf***
Siti Asfajarina binti Salleh

***Grafik/Bahan***
Ahmad Jumadi bin Sabang

***Fotografi***
Ahmad Jumadi bin Sabang
Andy Gray anak Simon
Jeffery Undi anak Anthony
Bill Clinton Buma anak Banyi

***Penulisan***
Watson Chunggat Leonard Doo
Hajijah binti Morsidi
Abang Azrianto bin Abang Bohari
Siti Asfajarina binti Salleh
Siti Noorlis binti Hassan
Franklyn Messat anak Kujang
Ahmad Jumadi bin Sabang
Mohamad Nizam bin Sibo
Syaifulhizam bin Othman
Mohamad Hafizi bin Talhah
Hanisah binti Hadi
Mustafa Arif bin Kiphli
Sub'bha binti Jalia
Mohamad Hanafi bin Malaya
Marc Owen Rentap anak Dineal Gumis

***Terbitan***
Seksyen Komunikasi Korporat
Yayasan Sarawak, Wisma Adenan,
Jalan Sultan Tengah, Petra jaya
93050 Kuching, Sarawak.
Tel: +60 82 441 686
Faks: +60 82 440 023
WhatsApp: +6017 700 1971 (ysCARE)
Laman Web: www.yayasansarawak.org.my
E-mel: ys@yayasansarawak.org.my

***SEKALUNG BUDI***
Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan penerbitan majalah OUTREACH kali ini.

Sebarang cadangan penambahbaikan serta sumbangan artikel boleh di emel ke ysscorpcom@yayasansarawak.org.my.







# MAJLIS ANUGERAH KHAS KETUA MENTERI SARAWAK (AKKMS) KALI KE-27

*OLEH: Mustafa Arif bin Kiphli*

**KUCHING, 15 November 2019** - 19 orang penerima daripada sekolah, guru dan pelajar telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas Ketua Menteri Sarawak ke-27.

Anugerah yang disampaikan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg merupakan anugerah yang mengiktiraf peranan institusi sekolah, pendidik dan pelajar atas pencapaian cemerlang dalam bidang pendidikan.

Majlis pada malam tersebut menyaksikan seorang pelajar berbangsa Penan iaitu Jenny James daripada SMK Mendamit, Limbang berjaya merangkul anugerah bagi kategori Pelajar SPM (Penan).

Turut juga menerima pelajar bernama Danish Zaffy Bin Rosli daripada SMK Luak Miri Berjaya merangkul anugerah kategori Pelajar SPM Kelainan Upaya (OKU).

Setiap penerima anugerah membawa pulang sijil penghargaan, trofi dan juga wang tunai.



YAB Ketua Menteri menyampaikan anugerah AKKMS Ke-27 bagi kategori Pengetua Cemerlang.



Penerima AKKMS Ke-27 bagi kategori pelajar-pelajar cemerlang SPM/STPM.




Pengetua dan PIBG SMK At. Anthony, Sarikei merakam kenangan bersama anugerah masing-masing.








# YAYASAN SARAWAK MENANG ANUGERAH EMAS PIALA SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SARAWAK KATEGORI AGENSI UTAMA NEGERI

*OLEH: Watson Chunggat Leornard Doo*

**KUCHING, 4 Disember 2019** - Yayasan Sarawak telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Emas Piala Setiausaha Persekutuan Sarawak bagi Kategori Negeri sempena Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (AKPANS) 2019.

Piala kemenangan tersebut telah diserahkan oleh YAB Datuk Patinggi (Dr) Haji Abang Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak kepada Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak pada kemuncak acara sambutan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak bertempat di Pusat Konvensyen Borneo, Kuching baru-baru ini.

AKPANS yang menilai aspek keberkesanan tadbir urus, operasi dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan membolehkan Yayasan Sarawak membawa pulang sebuah piala dan wang tunai RM 20,000.00.

Kejayaan ini merupakan yang kedua buat Yayasan Sarawak setelah pertama kali memenanginya pada tahun 2000 yang lalu.




Penerima-penerima anugerah merakam kenangan bersama YAB Ketua Menteri Sarawak.




Pengarah serta warga kerja meraikan kejayaan Yayasan Sarawak.



Sesi lafaz ikrar Perkhidmatan Awam Negeri di perhimpunan PANS 2019.




# MAJLIS KONVOKESYEN TASKA TADIKA YAYASANKU SAYANG SIRI 9/2019

*OLEH: Siti Noorlis binti Hassan*

**WISMA ADENAN, 7 November 2019** - Majlis Konvokesyen Taska Tadika Yayasanku Sayang bertemakan 'Arabian Nights' telah di rasmikan oleh Yang Amat Berbahagia Datuk Amar Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang pada 7 November 2019 bertempat di Auditorium Yayasan Sarawak.

Majlis yang diadakan setiap tahun bertujuan untuk memberi penghargaan kepada murid-murid yang telah berjaya menamatkan sesi persekolahan taska dan tadika. Penganugerahan ini juga dapat memberi motivasi dan menyuntik semangat murid-murid untuk meneruskan sesi persekolahan di Tahun Satu.

Majlis turut dihadiri oleh para ibu bapa murid-murid, guru-guru dan pegawai-pegawai kanan Yayasan Sarawak.

Beberapa persembahan telah menarik minat tetamu jemputan yang hadir, antaranya ialah persembahan tarian dan koir oleh kanak-kanak Taska Tadika Yayasanku Sayang.

Majlis meraikan seramai 25 orang graduan berusia 4 dan 6 tahun. Selain itu, beberapa orang kanak-kanak telah dianugerahkan hadiah galakan berdasarkan pencapaian luar jangka mereka dalam pelbagai bidang bagi tahun 2019.



Pelajar memperagakan pakaian sekolah yang baharu.

Acara kemuncak adalah pelancaran logo serta pakaian seragam baharu kanak-kanak Taska Tadika Yayasanku Sayang untuk kegunaan pada sesi 2020 dan seterusnya.

Logo Taska Tadika Yayasanku Sayang telah dilukis oleh kanak-kanak tadika dan membawa makna 'fun and whole-rounded learning'. Pelancaran berkenaan dilaksanakan dengan jayanya di atas kerjasama bersama Seksyen Teknologi Maklumat dan Pengurusan Sistem, Yayasan Sarawak.



Salah seorang kanak-kanak TTYS bersama ibu bapa menerima skrol tamat pengajian daripada YABhg Datuk Amar Hajjah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang.



Seorang wakil pelajar memberi ucapan terima kasih kepada cikgu, pengurusan dan hadirin.







# PAMERAN SARAWAK INSPIRES SEMPENA PROGRAM LAN BERAMBEH ANAK SARAWAK

*OLEH: Franklyn Messat anak Kujang*

**KUALA LUMPUR, 19 Oktober 2019** - Program Lan Berambeh Anak Sarawak bagi tahun 2019 telah diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) yang turut dimeriahkan oleh anak Sarawak yang bermastautin di Semenanjung.

Yayasan Sarawak turut tidak melepaskan peluang dengan menyertai ruang pameran yang disediakan bagi menyalurkan maklumat kepada rakyat Sarawak terutamanya para pelajar berkaitan dengan bantuan dan program pendidikan yang disediakan.

Ruang pameran Yayasan Sarawak telah dikunjungi sekitar 10,000 pelajar dan para ibu bapa bagi mendapatkan khidmat penerangan daripada pegawai yang bertugas.

Selain itu, ruang pameran Yayasan Sarawak juga menyediakan perkhidmatan secara online seperti permohonan, semakan status permohonan dan baki pinjaman serta lain-lain lagi.

YAB Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Abang Haji Openg berkata, program yang diadakan sejak 2008 ini adalah untuk menyalurkan maklumat kepada anak-anak Sarawak sama ada yang bekerja, belajar dan menetap di Semenanjung Malaysia bagi memahami tentang perkembangan semasa dan kemajuan yang dibawakan oleh Kerajaan Negeri termasuk berkongsi maklumat berhubung peluang pendidikan atau pekerjaan.

Program sehari suntuk itu dimulakan dengan Konvensyen Anak Muda Sarawak 2018 serta Forum Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

Bertemakan 'Kamek Sayang Sarawak', 'Lan Berambeh Anak Sarawak 2019' menyediakan 70 ruang pameran yang dibuka dari jam 9 pagi hingga 9 malam, dengan 34 daripadanya melibatkan kementerian, persatuan dan juga kaunter perkhidmatan.



Petugas Yayasan Sarawak memberikan khidmat penerangan bantuan dan program pendidikan Yayasan Sarawak.



Pelajar serta pengunjung yang merupakan anak Sarawak hadir booth Yayasan Sarawak di Pameran Sarawak Inspires sempena Lan Berambeh Anak Sarawak.



Sebahagian pelajar anak Sarawak merakam kenangan di booth Yayasan Sarawak.



# PROGRAM
## JERAYAWARA PENDIDIKAN YAYASAN SARAWAK (ZON SELATAN)

*OLEH: Mohamad Hafizi bin Talhah*

Sepanjang bulan September sehingga November 2019, Program Jerayawara Yayasan Sarawak Zon Selatan telah dilaksanakan di 5 buah lokasi terpilih iaitu Kolej Abdillah Kuching, Daerah Kecil Sebuyau,Simunjan, Bahagian Serian, Daerah Kecil Spaoh,Betong, dan Bahagaian Sri Aman .

Tujuan program seumpama ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta jemputan yang terdiri daripada pelajar sekolah berdekatan berkenaan perkhidmatan yang diberikan oleh Yayasan Sarawak dan institusi yang bekerjasama dengan pihak Yayasan sarawak.

Fokus jemputan adalah kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 serta para ibubapa.
Pelbagai aktiviti yang diadakan seperti Seminar Motivasi Hala Tuju Pelajar yang disampaikan oleh penceramah Cikgu Abdul Rahim Abol yang disertai sekolah jemputan yang berdekatan.

Selain itu, pameran mini dan cabutan bertuah juga diadakan bagi memeriahkan suasana program tersebut.

Rata-rata peserta memberikan respon positif dan berharap program ini dapat diteruskan di masa yang akan datang.



BETONG, 17.11.2019 - Majlis perasmian Program Jerayawara oleh YB YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Timbalan Ketua Menteri Sarawak.



BETONG, 17.11.2019 - Salah seorang pelajar menerima hadiah daripada YB Timbalan Ketua Menteri.



BETONG, 17.11.2019 - Petugas pameran Yayasan Sarawak merakam kenangan bersama penceramah motivasi jemputan.



LAWAS, 18.10.2019 - Jerayawara Daerah Lawas telah disempurnakan oleh YB Datuk Amar Awang Tengah bin Ali Hasan, Timbalan Ketua Menteri Sarawak di Stadium Tertutup Lawas.



SERIAN, 26.10.2019 - Jerayawara Bahagian Serian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Michael Manyin anak Jawong, Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak bertempat di Dewan Serbaguna Ranchan, Serian.



SARIKEI, 7.9.2019 - Jerayawara Bahagian Sarikei telah disempurnakan oleh YB Datu Haji Len Talif Salleh, Menteri Muda Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah Dan Alam Sekitar Sarawak di Dewan SMK St. Anthony, Sarikei.



SEBUYAU, 5.10.2019 - Jerayawara Daerah Kecil Sebuyau telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Julaihi bin Haji Narawi, Menteri Muda Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak di Dewan Sri Ruai SMK Sebuyau.



KUCHING, 26.10.2019 - Jerayawara Daerah Kuching telah disempurnakan oleh YBr Dr. Haji Azhar bin Haji Ahmad, Pengarah Pendidikan Negeri Sarawak di Kolej Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah.



# MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH YAYASAN SARAWAK

*OLEH: Mustafa Arif bin Kiphli*

**BAUCAR BANTUAN PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH** - 15 Majlis Penyerahan Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Yayasan Sarawak telah diadakan di Kuching, Sarikei, Sibu, Bintulu, Miri dan Limbang serta Lawas.

Anggaran seramai 2,951 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan juga menengah telah menerima bantuan dalam majlis tersebut.

Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Yayasan Sarawak yang mula diperkenalkan pada tahun 2000 sehingga tahun 2019 telah memanfaatkan seramai 400 ribu orang pelajar di seluruh Sarawak.

Bantuan yang diperkenalkan ini bermatlamat mengurangkan beban ibu bapa dalam menyediakan kelengkapan sekolah anak-anak dan memastikan pelajar selesa untuk mengikuti sesi persekolahan.

Pelajar-pelajar yang menerima bantuan tersebut dalam bentuk baucar bernilai RM200.00 dan boleh menebus guna di panel pembekal pakaian seragam sekolah yang telah dilantik.

Baucar tersebut boleh digunakan untuk membeli barangan sekolah seperti baju dan seluar sekolah, beg, kasut dan barangan lain untuk kegunaan dalam pembelajaran.



Zon Kemena: Disempurnakan oleh YB Dato Sri Dr. Stephen Rundi anak Utom, Menteri Utiliti Sarawak pada 14 November 2019 di Pusat Khidmat Wakil Rakyat N.69 Kemena.



Bahagian Sri Aman: Disempurnakan oleh YB Datuk Francis Harden Anak Hollis, Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti pada 19 November 2019 di Dewan Serbaguna, Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol.



Bahagian Sri Aman: Disempurnakan oleh YB Datuk Francis Harden Anak Hollis, Menteri Muda Kesejahteraan Komuniti pada 19 November 2019 di Dewan Serbaguna, Rumah Kanak-Kanak Datuk Ajibah Abol.



Zon Pantai Damai: Disempurnakan oleh YB Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Haji Junaidi, Menteri Muda Hal Ehwal Islam dan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) & Menteri Muda Utiliti (Bekalan Air) pada 7 Oktober 2019 Di Dewan Toh Puan Hajah Masniah, SMK Tun Abang Haji Openg, Kuching.




Zon Beluru: Disempurnakan oleh YB Datu Dr. Penguang Manggil, Menteri Muda Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak pada 27 September 2019 di Dewan Masyarakat Beluru, Marudi.



Daerah Saratok: Disempurnakan oleh YB Datuk Haji Abdul Wahab bin Aziz, ADUN N.38 Kalaka pada 29 Oktober 2019 di Dewan Masyarakat Sri Krian, Saratok.




Daerah Telang Usan: Disempurnakan oleh YB Dennis Ngau, Adun N.77 Telang Usang pada 29 Oktober 2019 di Dewan Masyarakat Long Lama.



Daerah Kanowit: Disempurnakan serentak oleh seorang Ahli Parlimen dan tiga (3) orang ADUN kawasan pada 20 September 2019 di Dewan Pejabat Daerah Kanowit, Sibu.



# MAJLIS

## PENYAMPAIAN HADIAH PELAJAR CEMERLANG YAYASAN SARAWAK 2019 BAHAGIAN KUCHING

*OLEH: Syaifulhizan bin Othman*



Salah seorang calon menerima sijil daripada YB Menteri Muda.

**WISMA ADENAN, 26 Oktober 2019** - Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang 2018 telah diadakan di Dewan Jamilah, Kompleks Yayasan Sarawak pada 25 Oktober 2019.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Muda Hal Ehwal Islam dan Dewan Bandaraya Kuching Utara, merangkap Menteri Muda Utiliti Sarawak iaitu Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Bin Haji Junaidi.

Sejumlah 305 pelajar telah menerima anugerah tersebut, masing-masing 186 orang pelajar lepasan SPM dan 119 orang pelajar lepasan STPM. Ini merupakan satu pengiktirafan dari Yayasan Sarawak kepada pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan sebagai satu motivasi kepada mereka untuk meneruskan kecemerlangan dalam bidang akademik.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Pengarah Yayasan Sarawak, Encik Ellen @ Manium anak Engang dan para pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, para pengetua sekolah, ketua-ketua kaum serta para ibu bapa.



Pelajar cemerlang yang menerima sijil turut merakam kenangan bersama.



Pelajar daripada sekolah-sekolah berdekatan turut dijemput hadir menyaksikan majlis selain memberi motivasi kepada pelajar yang hadir.








# SUMBANGAN

## KOMPUTER YAYASAN SARAWAK BANTU PELAJAR TINGKAT KEMAHIRAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

*OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang*



YB Tuan Lukanisman menyampaikan simbolik penyerahan komputer kepada para pelajar.

**MIRI, 8 November 2019** - Yayasan Sarawak telah memberi sumbangan sebanyak 20 unit komputer masing-masing kepada SMK Luar Bandar dan SMK Riam dalam satu majlis ringkas di mana keadaan komputer di kedua-dua sekolah berkenaan sudah ketinggalan dari segi perisian dan daif.

Sumbangan komputer berkenaan adalah antara komitmen Yayasan Sarawak yang secara tidak langsung membantu pelajar mendapat pendedahan dan kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat selain membantu pihak sekolah dalam mempelbagaikan kaedah pembelajaran.

Majlis Penyerahan Yayasan Sarawak Computer Assistance Program (YS-CAP) telah disampaikan oleh Ahli Parlimen Sibuti, Tuan Lukanisman bin Awang Sauni.

Lukanisman berkata, bantuan komputer itu diyakini dapat membantu para pelajar mahir dalam penggunaan teknologi selain memudahkan komunikasi.

“Kita amat berharap kemudahan ini memberi manfaat kepada pelajar dan meningkatkan prestasi pelajar berkomunikasi, memproses dan menyimpan data serta memperoleh pelbagai maklumat dengan mudah,” ujarnya.

Pada majlis berkenaan, sebanyak 10 komputer diserahkan kepada SMK Luar Bandar dan 10 unit lagi untuk kegunaan di SMK Riam.

Majlis juga menyaksikan penyerahan geran berjumlah RM3,000 kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Riam.

Turut hadir ialah Pengetua SMK Riam Normah Abdul Latip, Yang Dipertua PIBG Alwi Mustapha dan Penolong Pengarah Seksyen Pengurusan Hartanah, Fasiliti dan Pengangkutan Yayasan Sarawak, Encik Shamsuddin Sham Abullah.



Pelajar dan guru sedang menggunakan komputer.





# MAJLIS APRESIASI PELAJAR TINGKATAN 5 PROGRAM PERTUKARAN ZON SEMENANJUNG

*OLEH: Franklyn Messat anak Kujang*



Pelajar tingkatan 5 yang akan kembali ke Sarawak selepas 5 tahun di bawah Program Pertukaran Pelajar Yayasan Sarawak.

**KUALA LUMPUR, 30 November 2019** – Yayasan Sarawak menerusi Pejabat Kuala Lumpur (YSKL) telah menganjurkan Majlis Apresiasi Pelajar Tingkatan 5 Program Pertukaran Pelajar (Zon Semenanjung) bertempat di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur bagi 15 orang pelajar tajaan Yayasan Sarawak yang telah menamatkan Tingkatan 5 dan tamat menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Semenanjung Malaysia.

Para pelajar telah diraikan oleh warga kerja YSKL yang diketuai oleh Penolong Pegawai Tadbir Pejabat Kuala Lumpur, Encik Franklyn Messat Anak Kujang dan turut dihadiri oleh Penolong Pengarah Perundangan dan Pematuhan, Encik Jolly Marikan selaku wakil Pengarah Yayasan Sarawak. Mereka sebelum itu telah diambil oleh YSKL di sekolah masing-masing seperti Sekolah Sukan Bukit Jalil, Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang, Kolej PERMATApintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia serta MRSM Tun Ghafar Baba.

Menerusi ucapan ringkas oleh Encik Jolly Marikan, beliau mahu agar pelajar menimba ilmu sebanyak mungkin pada peringkat universiti dan kembali berkhidmat kepada Negeri Sarawak terutama kepada generasi pelapis seterusnya secara amnya.

Menurut Muhammad Zaim B. Maslan, 17 tahun, daripada Sekolah Sukan Bukit Jalil, beliau melahirkan sepenuh rasa penghargaan kepada Yayasan Sarawak kerana menaja pendidikan beliau dan menurut beliau lagi, Yayasan Sarawak amat memberikan sokongan terutamanya dalam membantu pelajar samada dari bentuk akademik dan ko-kurikulum.

Pandangan yang sama juga dilontarkan oleh Nur Wazini Athar B. Bolhan, 17 tahun yang bersekolah di Sekolah Menengah Agama Persekutuan Kajang. Pada hemat beliau, Yayasan Sarawak senantiasa cuba memberikan yang terbaik dalam menyediakan kemudahan kepada para pelajar di bawah tajaan mereka. Pada masa yang sama, beliau melahirkan sepenuh rasa penghargaan kepada warga kerja YSKL yang selama ini menjaga mereka dengan mengambil berat akan kebajikan mereka di sekolah.

Marc Owen Rentap Anak Dineal Gumis, 17 tahun daripada Kolej PERMATApintar Negara UKM mahu pelajar Sarawak yang akan ditawarkan tempat di SBP atau MRSM di Semenanjung Malaysia tahun hadapan supaya memanfaatkan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri menerusi Yayasan Sarawak. Ini adalah kerana pada pandangan beliau, hanya Yayasan Sarawak yang berusaha dengan lebih gigih dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar Negeri Sarawak dalam memberikan pendedahan mengenai integrasi nasional dan juga menjadi Duta Kecil bagi Sarawak tercinta di sekolah dalam menerapkan kesedaran mengenai Sarawak dengan kepelbagaian budaya, etnik dan juga diversiti.

Bagi maklumat lanjut mengenai Program Pertukaran Pelajar, orang ramai boleh menghubungi Seksyen Program dan Bantuan di talian 082-441686 samb. 103 atau menerusi emel di ys@yayasansarawak.org.my.



Encik Jolly Marikan, mewakili Pengarah Yayasan Sarawak menyampaikan sepatah dua kata kepada para pelajar.



Sebahagian pelajar Tingkatan 5 yang hadir ke majlis apresiasi.



Info Pendidikan





# YAYASAN SARAWAK TERUSKAN USAHA BANTU PELAJAR KEMAHIRAN

*OLEH: Sub'bha binti Jalia*

**TERENGGANU, 14 November 2019** - SR Scaffold Resources merupakan salah satu panel institusi kemahiran di bawah Yayasan Sarawak yang menawarkan pengajian di peringkat sijil dalam bidang scaffolding.

Pada November 2019, seramai 55 orang anak Sarawak telah berjaya mendapat bantuan pendidikan daripada Yayasan Sarawak di bawah Skim Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal Yayasan Sarawak.

Selain ditempatkan di Institut Kemahiran Mara (IKM), Bintulu, 15 orang pelajar juga telah terpilih untuk menjalani kursus mereka di ADTEC Kemaman, Terengganu bagi sesi November 2019 yang berlangsung selama tiga (3) bulan.

Kesemua pelajar telah lulus dalam ujian Department of Occupational Safety and Health (DOSH) dan telah ditawarkan pekerjaan di Melaka.

Bantuan pendidikan latihan teknikal ini merupakan salah satu inisiatif Yayasan Sarawak bagi menarik minat lebih ramai anak Sarawak bekerja dalam bidang kemahiran selain dapat meningkatkan pendapatan dan sosio ekonomi keluarga mereka.





# SESI TAKLIMAT DAN PENYERAHAN TAWARAN BIASISWA PINJAMAN LATIHAN TEKNIKAL YAYASAN SARAWAK

*OLEH: Mohamad Nizam bin Sibo*

**BINTULU, 11 November 2019** - Yayasan Sarawak telah mengadakan perjumpaan bersama pelajar tajaan di SR Scafford Resources Sdn Bhd. Perjumpaan ini bertujuan untuk menyampaikan surat tawaran Skim Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal Yayasan Sarawak kepada seramai 40 orang pelajar SR Scafford Resources Sdn Bhd.

Pengisian program ialah sesi penerangan berhubung dengan tawaran yang diberi oleh Yayasan Sarawak iaitu kaedah bayaran balik pinjaman dan panduan mengisi borang serta surat perjanjian. Selain itu, turut diadakan sesi perbincangan bersama para pelajar untuk mendapatkan maklum balas terkini berkaitan dengan kebajikan dan pelajaran mereka.




# NURTURING THE NATION'S GIFTED YOUTHS

*By: Marc Owen Rentap anak Dineal Gumis*
*Kolej GENIUS@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## DEFINITIONS OF GIFTEDNESS

The debate in setting the definition of giftedness has been long and exhaustive. Renzulli (1977) stated that gifted and talented children can be characterized by their above-average ability, task commitment and creativity. However, this view is seen by many as too simplistic. On the contrary, Gagne (2004) defined giftedness as inherent abilities in various forms that can be transformed into talent by systematic training, in which he proposed the four domains of giftedness: intellectual ability, creativity, socio-affective and sensorimotor. De Hann (1957) however suggested that there are six domains of giftedness including intellectual ability, creative thinking, scientific ability, social leadership, mechanical skills and talent in fine arts.

On the whole, Tuttle and Baker (1980) summarized that the common unique traits of gifted learners are as follows:

a) Well-developed power of abstraction, conceptualization and synthesis;
b) Deep understanding of cause and effect relationships;
c) Quick understanding of similarities, differences and anomalies;
d) Fluent thinking, generating possibilities, consequences or related ideas;
e) Flexible thinking, using many different alternatives and approaches to problem solving.

## THE IMPORTANCE OF GIFTED EDUCATION

Thomas Edison, one of the most prominent inventors who changed the way we live today with the invention of the light bulb, was told by his teachers that he was not up to learning anything. Inevitably, gifted individuals bring with them a set of rare talents that are not usually identified in their peer group. Many of them have been wrongly diagnosed and have received education that is not supporting their learning needs due to the lack of gifted education training among educators.

The level of education offered in normal schools do not challenge them enough. Hanna (2018) stated that quite often, many gifted adolescents feel that they waste time when sitting in class where they learn nothing and that they could have learned in a much speedier pace either by themselves or in a more challenging class. Unfortunately, too many gifted adolescents still learn in regular classes where they are bored because of the slow learning pace and insufficient knowledge of the teachers. Without a proper education pathway that is specifically geared to them, gifted students can lose their interest in learning, causing them to perform badly in academics despite their intellectual prowess, thus becoming an underachiever.

Of course, the distinctive personalities of gifted children can bring about negative attitude of their peers. This is tightly connected to feeling different from their peers in terms of pace and depth of learning and their unusual areas of interests. However, they can learn to overcome these feelings when their occur (Hanna, 2018). Although gifted adolescents are often the target of jealousy, Massé and Gagné (2002) found that the jealousy and gifted adolescents feel are often not as harmful as how they perceive it. Moreover, these scholars found that students showed more envy towards social and financial successes compared to academic achievements or intelligence. Nonetheless, a gifted school is important to provide an environment that is free of judgement so that they can express their giftedness into talents without fear.

While many non-gifted adolescents are allowed to indulge in non-cognitive activities, gifted adolescents are usually under pressure to focus in learning rather than having social connections, body image, impulses and non-educational activities. This external pressure forces them to process the conflict between the demands of others and his own expectations. Being unsuccessful may lead to depression, feeling invaluable and being desperate. They may have thoughts such as I am smarter than everybody around me, why do I have to obey adults who are less intelligent than me? and why do I have to accept society rules made for ordinary people?. Hanna (2018) says that such thoughts lead to unsocial behavior, school problems and lost of parental authority.

For this reason, understanding how to identify these distinctive individuals as well as catering to their intellectual demands in proper learning environment are important to maximize their intellectual ability. Silverman (1989) suggested that gifted children with IQ scores of 145 and above deserve to be given different educational pathways because it affects the nurturing of exceptional talents. Moreover, Bakar (2016) stressed that early identification of these individuals, complemented by the right learning environment, support and educational program, could result in them contributing to the betterment of any particular nation or civilization.

## MALAYSIAN NATIONAL GIFTED CENTRE

To address the needs of gifted students, the government of Malaysia established Kolej GENIUSpintar Negara in 2011 that prepares students with an early experience of studying at higher education. Previously known as Kolej PERMATApintar Negara, it was the nation's first fully residential school for gifted students aged eleven to seventeen years-old students (Noriah, Rosadah, Siti Fatimah & Melor, 2012).

The students are selected through three standardized assessment which measure the intellectual, creativity and socio-affective abilities (Siti Fatimah Mohd Yassin et al., 2012), namely UKM1 and UKM2 online intelligence tests and UKM3 comprehensive assessment.

The UKM1 online intelligence test that assesses verbal and nonverbal abilities. Every year, the test is publicly available at http://ukm1.permatapintar.edu.my for 3 months. It is an open test which can be accessed anywhere but some schools do the test in controlled environment. The assumption is that the students are honest when they register and sit for the test. For good measure, false records are filtered before the data is calculated for the second screening test.

The next screening test is the UKM2 online intelligence test which measure the perceptual reasoning and organization, attention, concentration, working memory and processing speed. The test is done at selected UKM2 test centers throughout the country where there are invigilators present to monitor the process. The test is done in batches of fifteen to twenty students each session to avoid network congestion at the centers.

The final screening test is the UKM3 comprehensive assessment which consists of mathematics, science and languages competencies tests on paper; Malaysian Emotional Quotient Inventory (MEQI); Torrance Tests of Creative Thinking; students' project presentation; class observation and final academic performance evaluation report throughout a three-weeks school holiday camp. Siti Fatimah Mohd Yasin et al. (2012) explained that students do not need to prepare for the tests as the school search natural abilities. The holiday camp is affiliated with John Hopkins University Center for Talented Youth, Baltimore, United States of America. Participants get to enroll in advanced courses such as Robotics, DNA Barcoding, Genetic Engineering, Astronomy, Advanced Biology, Inventions, Logical Reasoning among others.

The Kolej GENIUS@Pintar curriculum consists of the national curriculum for upper secondary as a basis, as well as several first year university courses and international curriculum to challenge students' intellectual minds. The program was designed with inspiration from the National Education Principle to produce holistic leaders in terms of physical, emotional, spiritual, intellectual and social capabilities.

## YAYASAN SARAWAK'S INVOLVEMENT

In the same vein, Yayasan Sarawak has been actively supporting Kolej GENIUS@Pintar students since 2016. This is evident by the fact that in 2019, there are 27 Sarawakian students in Kolej GENIUS@Pintar Negara currently under Yayasan Sarawak scholarship. Students enjoy many benefits such as monthly allowance, financial aid for spectacles, school uniform, school fees, laptop, flight tickets and accommodation. The students are required to join enrichment programs held by Yayasan Sarawak during school holidays. Occasionally, officers from Yayasan Sarawak meets with Kolej GENIUS@Pintar Negara to discuss about their future and academic pathway.

## CONCLUSION

There is a gifted child for every one thousand children. Unfortunately, most of these gifted children are still in a school with a one-size-fits-all curriculum where the they have to endure the boredom of learning what they already know. As a result, their gifts are not materialized into talents and their potential is wasted.

In conclusion, I consider it as a responsibility of all parents and teachers in Sarawak to let every child, regardless of academic performance and background, to be given the the opportunity to take the UKM1 test. Should their children qualify, parents must strongly consider letting their children enroll in the school so that the children can truly thrive to become great global leaders of tomorrow. Indeed, the future of our nation depends on them.

# INFOGRAFIK PENDIDIKAN




## BIASISWA

**RM14,672,000**
***119* Penerima Baharu**
Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib

**RM8,168,000**
***100* Penerima Baharu**
Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman

**RM 1,933,350**
***8,579* pelajar**
Penerima Biasiswa Tempatan Yayasan Sarawak

## PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

**RM60,109,629**
Pembiayaan Pendidikan

**3,010 pelajar**
Penerima Baharu
Pembiayaan Pendidikan

**RM3,972,525**
Bayaran Balik di terima

## PROGRAM

**RM9,766,416**
***23,274***
Penerima manfaat program pendidikan

**RM2,559,042**
***389***
Penerima Insentif Bayaran Balik

## HADIAH GALAKAN

**RM905,500**
*836* pelajar Semester pertama Sijil & Asasi

**RM1,757,500**
*1,760* pelajar semester pertama Diploma

**RM3,390,500**
*2,769* pelajar semester pertama Ijazah Sarjana Muda



# SESI TAKLIMAT KORPORAT YAYASAN SARAWAK BERSAMA DELEGASI SETIAUSAHA POLITIK DAN UNIT KOMUNIKASI AWAM SARAWAK DI JABATAN KETUA MENTERI

*OLEH: Siti Asfajarina binti Salleh*

**WISMA ADENAN, 10 Disember 2019** - Yayasan Sarawak berbesar hati menerima kunjungan seramai 80 orang deligasi Setiausaha Politik dan Unit Komunikasi Awam Sarawak yang diketuai oleh YB Encik Abdullah bin Haji Saidol, Menteri Muda Komunikasi Awam Sarawak.

Pada sesi taklimat yang disampaikan oleh YBhg. Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, beliau memberi penerangan mengenai peranan Yayasan Sarawak dalam membantu meningkatkan taraf pendidikan anak-anak watan Sarawak dalam bentuk pembiayaan pendidikan seperti pinjaman pelajaran dan tawaran biasiswa.

Selain daripada itu, beliau juga menjelaskan bahawa Yayasan Sarawak turut memberi bantuan bagi program-progran peningkatan pendidikan serta bantuan geran sekolah kepada sekolah-sekolah di Sarawak.




Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang sedang memberi taklimat kepada para hadirin.



Sebahagian daripada delegasi yang hadir ke sesi taklimat.



Sesi soal jawab telah dikemukakan kepada Pengarah Yayasan Sarawak oleh salah seorang delegasi.








# ISTIADAT PERBARISAN DAN RAPAT RAKSASA HARI JADI KE-83 TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK

*OLEH: Siti Asfajarina binti Salleh*



Ahli kontinjen merakam kenangan bersama dengan Pengarah Yayasan Sarawak.



Pengarah dan Ketua Kontinjen Yayasan Sarawak terima hadiah tempat ketiga Kategori Bukan Penguatkuasa.

**MIRI, 8-12 Oktober 2019** - Pada tahun ini Yayasan Sarawak turut menyertai ke Acara Istiadat Perbarisan dan Rapat Raksasa bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Jadi Ke-83 Tuan Yang Terutana Yang Di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud telah diadakan di Stadium Terbuka Miri bermula jam 8 pagi.

Bagi acara kali ini, Yayasan Sarawak telah menghantar seramai 40 orang ahli kontinjen yang diketuai oleh Encik Zulfiqqar Fadhzely bin Randy, Penolong Pengarah Seksyen Pengurusan Projek. Seramai 104 kontinjen membabitkan 3,927 peserta mewakili jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, persatuan dan pelajar sekolah.

Kontinjen Yayasan Sarawak berjaya mendapat tempat ketiga bagi Kategori Bukan Penguatkuasa. Hadiah berupa piala dan wang tunai telah disampaikan oleh YB Dr. Penguang Manggil, Menteri Muda Kerajaan Tempatan Sarawak kepada Pengarah Yayasan Sarawak yang turut diiringi Ketua Kontinjen dan Jurulatih Koperal Irwandy bin Sulhi.





Pengarah dan Ketua Kontinjen Yayasan Sarawak terima hadiah tempat ketiga Kategori Bukan Penguatkuasa.



Ahli kontinjen merakam kenangan bersama dengan Pengarah Yayasan Sarawak.

# PERARAKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1441 HIJRAH

*OLEH: Hanisah binti Hadi*

**KUCHING, 9 November 2019** - Kontinjen Yayasan Sarawak yang diketuai oleh Puan Suryani Binti Abdul Hamid, Ketua Penolong Pengarah Khidmat Korporat, Operasi & Pentadbiran telah menyertai Acara Perarakan dan Pertandingan Sepanduk Sempena Sambutan Maulidur Rasul 1441 Hijrah bertemakan "Ummah Gemilang" yang berlangsung di Padang Merdeka Kuching.

Turut bersama-sama dari awal perarakan sehingga ke akhirnya, ialah Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi Bin Haji Bujang. Berkekuatan anggota seramai 50 orang ahli yang terdiri daripada 25 orang lelaki dan 25 orang wanita, Kontinjen Yayasan Sarawak menyertai kontinjen-kontinjen lain di laluan A iaitu dari Padang Merdeka Kuching, mengelilingi Jalan Kampung (Kampung Nombor) seterusnya ke Jalan Tun Abang Haji Openg/Barrack yang jaraknya kira-kira 4.5km.

Walaupun tidak mendapat sebarang tempat, Kontinjen Yayasan Sarawak tetap bersemangat meraikan perayaan junjungan besar kita tersebut .



# BENGKEL
## PELAN STRATEGIK YAYASAN SARAWAK

*OLEH: Hajijah binti Morsidi*

**KUCHING, 12-13 September 2019** - Bertempat di Windows on Kuching, Riverside Hotel, Kuching, pengurusan Yayasan Sarawak telah mengadakan Bengkel Pelan Strategik Yayasan Sarawak.

Pada sesi ini, setiap bahagian membentangkan pencapaian serta prestasi bahagian masing-masing sepanjang lima (5) tahun terkini dan mengkaji serta menilai semula program dan aktiviti yang telah diadakan.

Seterusnya setiap bahagian merangka perancangan untuk tempoh 2021-2025 serta penetapan hala tuju baharu Yayasan Sarawak.

Bengkel ini juga mengambilkira polisi-polisi serta program-program baru yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.



Sebahagian pegawai yang hadir ke sesi bengkel.



Pembentangan daripada Dr. Eliza F. Alias daripada Seksyen Program dan Bantuan.



Peserta bengkel terdiri daripada pegawai Yayasan Sarawak mewakili bahagian dan seksyen masing-masing.







# KURSUS
## ORIENTASI JABATAN WARGA KERJA BAHARU

*OLEH: Hajijah binti Morsidi*

**KUCHING, 31 September - 1 Oktober 2019** - Yayasan Sarawak telah mengadakan Kursus Orientasi Jabatan khusus untuk 26 orang kakitangan yang baharu bertempat di Hotel Serapi, Kuching.

Kursus ini adalah untuk memberi maklumat serta pendedahan kepada kakitangan yang baharu mengenai fungsi, prosedur serta peraturan-peraturan yang dipraktikkan di Yayasan Sarawak.

Fasilitator-fasilitator bagi kursus ini terdiri daripada pegawai kanan Yayasan Sarawak yang telah menerangkan tentang peraturan dan prosedur yang berkaitan yang perlu dipatuhi dalam Yayasan Sarawak.

Yayasan Sarawak turut menjemput Encik Zulhairy bin Zaidel, Ketua Pegawai Integriti Negeri Sarawak untuk berkongsi topik 'Integriti Tanggungjawab Bersama'.

Selain itu, kakitangan yang baharu turut menandatangani Surat Akuan/Ikrar Kerahsiaan dihadapan Timbalan Pengarah Yayasan Sarawak dan Ketua Pegawai Integriti Negeri Sarawak.

Pada majlis penutupan, para peserta telah menerima sijil penyertaan daripada Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli, Timbalan Pengarah Yayasan Sarawak.



Peserta menandatangani Akuan/Ikrar Kerahsiaan di hadapan Timbalan Pengarah Yayasan Sarawak



Peserta menerima Sijil Penyertaan daripada Timbalan Pengarah



Peserta dan Pegawai Kanan Yayasan Sarawak mendengar pembentangan topik Integriti Tanggungjawab Bersama oleh pegawai SPRM



# KEM JATIDIRI DAN PEMERKASAAN WARGA YAYASAN SARAWAK

*OLEH: Hajijah binti Morsidi*

**LUNDU, 13-15 Disember 2019** - Seramai 50 orang kakitangan Yayasan Sarawak telah berjaya menghadrii Kem Jatidiri & Pemerkasaan yang telah diadakan di Bajo Training Centre, Lundu.

Antara objektif program ini adalah untuk membangunkan individu ke arah kecemerlangan diri serta organisasi, menyeimbangkan jati diri, mental, kerohanian dan kecergasan fizikal.

Ianya juga dapat memupuk keyakinan individu dan membangkitkan kegembiraan dalam menyampaikan perkhidmatan menerusi personaliti dan jati diri unggul.

Para peserta turut didedahkan dengan membentuk individu dan organisasi yang cemerlang melalui interaksi dan perbincangan berkesan secara berkumpulan dengan aktiviti yang menarik.

Para peserta telah dilatih untuk mewujudkan penjawat awam yang mementingkan kesatuan organisasi dan sentiasa menyumbang ke arah kegemilangan organisasi.

Selain itu, para peserta telah terlibat dalam banyak aktiviti *indoor* dan *outdoor* sepanjang menghadiri program tiga (3) hari tersebut.



Kesepakatan dan kerjasama bagi memastikan sasaran dicapai bersama



Salah sebuah kumpulan yang membentangkan cadangan penyelesaian masalah mereka



Arahan 'tidak boleh bersuara'…antara peserta yang didenda kerana bersuara.







# MALAM JASAMU DIKENANG PEGAWAI DAN WARGA KERJA BERSARA

*OLEH: Abang Azrianto bin Abang Bohari*

**KUCHING, 3 Disember 2019** - Sempena menghargai jasa dan sumbangan wargakerja Yayasan Sarawak, Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang telah diadakan pada Selasa 3 Disember 2019 bagi meraikan persaraan dua (2) orang wargakerja Yayasan Sarawak.

Wargakerja yang diraikan adalah Encik Ellen @ Manium anak Engang, Timbalan Pengarah (Khidmat Bantuan Pendidikan) dan Encik Jamaludin bin Abdul Aziz, Pembantu Awam di Pejabat Cawangan Kuala Lumpur.

Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, Pengarah Yayasan Sarawak yang telah sudi untuk menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati kepada yang diraikan.

Di samping itu, Kelab Yayasan Sarawak juga turut menyerahkan cenderahati penghargaan kepada pesara yang diraikan.

Majlis turut dimeriahkan dengan tayangan video imbasan kenangan dan persembahan nyanyian oleh wargakerja.

Majlis Makan Malam ini diakhiri dengan sesi fotografi dan bersalaman dengan tetamu yang diraikan.



Cikgu Ellen Manium menerima cenderamata kenangan daripada Pengarah Yayasan Sarawak.



Pengarah Yayasan Sarawak menyerahkan cenderamata kepada Encik Jamaluddin Abdul Aziz yang bersara penuh dan telah berkhidmat selama 35 tahun.



Warga kerja merakam kenangan bersama Cikgu Ellen dan Encik Jamaluddin.




# PAMERAN
## SEMPENA RANDAU PERKEMBANGAN AWAL KANAK-KANAK

*OLEH: Siti Noorlis binti Hassan*

**KUCHING, 14-15 September 2019** - Randau Perkembangan Awal Kanak-Kanak 2019 bertemakan Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Keterangkuman, Langkah Ke Hadapan, telah diadakan pada 13 hingga 15 September 2019 di Hotel Pullman, Kuching.

Randau Perkembangan Awal Kanak-kanak 2019 telah dianjurkan oleh Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita dan Pembangunan Kanak-kanak secara silih ganti sejak 2012 dengan tema tahunan yang berbeza serta pelbagai bidang yang relevan, bagi membantu meningkatkan kemahiran, kompetensi dan tahap keyakinan para pendidik.

Randau Perkembangan Awal Kanak-kanak ini telah dihadiri seramai 596 orang peserta dari seluruh Sarawak dan sebanyak empat kertas kerja, dan tiga sesi forum diadakan. Menariknya, pada Randau kali ini, pihak penganjur telah mengambil inisiatif untuk menjemput ibu bapa kanak-kanak berkeperluan khas bagi mengikuti forum serta pembentangan kertas kerja.

Taska Tadika Yayasanku Sayang, telah dilantik sebagai Jawatankuasa Pameran bagi Randau Perkembangan Awal Kanak-kanak 2019 bertemakan Pendidikan Awal Kanak-Kanak: Keterangkuman, Langkah Ke Hadapan. Pameran berkenaan dilaksanakan dengan jayanya di atas kerjasama bersama Seksyen Teknologi Maklumat dan Pengurusan Sistem, Yayasan Sarawak. Antara yang dipamerkan adalah 'Sensory wall'; 'Special needs do-it-yourself kit' ; 'Digital Playtime: For special needs children'; 'Hands-on Sensory play' dan banyak lagi. Peserta Randau Perkembangan Awal Kanak-kanak serta orang ramai yang hadir berpeluang mencuba kesemua aktiviti dan permainan yang disediakan.

Antara pelawat pameran adalah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Abdul Taib bin Mahmud; Yang Berhormat Datuk Amar Awang Tengah bin Ali Hasan (Timbalan Ketua Menteri, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Terminal Perindustrian & Pembangunan Usahawan, Menteri Kedua Pembangunan Bandar & Sumber Asli); serta Yang Berhormat Dato Sri Hjh Fatimah Abdullah (Kementerian Kebajikan ,Kesejahteraan, Komuniti Wanita, Keluarga & Pembangunan Kanak-kanak).

Pameran berkenaan juga telah disertai sebanyak 18 agensi kerajaan dan swasta yang mengkhusus dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan bidang pendidikan kanak-kanak khas.



Kanak-kanak didedahkan dengan aplikasi pembelajaran di komputer.



Cikgu tadika membimbing dan memberi taklimat kepada pengunjung yang hadir.




Taska Tadika Yayasanku Sayang menerima Sijil Penghargaan daripada YB Datuk Amar Awang Tengah bin Abli Hasan, Timbalan Ketua Menteri Sarawak.








# MAJLIS AKHIR TAHUN TASKA TADIKA YAYASANKU SAYANG

*OLEH: Siti Noorlis binti Hassan*




Kanak-kanak *TTYS* membuat persembahan bagi meraikan tetamu yang hadir.




Cikgu *TTYS* merakam kenangan bersama-sama dengan pelajar.

**WISMA ADENAN, 20 Disember 2019** - Majlis Akhir Tahun Taska Tadika Yayasanku Sayang telah diadakan pada 20 Disember 2019 bertempat di Taska Tadika Yayasanku Sayang.

Majlis telah dimeriahkan dengan kehadiran ibu bapa dan juga persembahan nyanyian dari kanak-kanak taska tadika.

Majlis Akhir Tahun Taska Tadika Yayasanku Sayang diadakan bagi meraikan kanak-kanak taska tadika yang akan menamatkan sesi persekolahan tahun 2019 sebelum menempuh alam persekolahan ke Tahun 1.

Jamuan ini merupakan aktiviti tahunan yang turut dijalankan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada ibu bapa yang komited dan menunjukkan komitmen yang baik kepada taska tadika bagi memastikan perjalanan dan aktiviti taska tadika ini berjalan dengan lancar. Selain itu, ianya dapat merapatkan hubungan silaturahim antara pihak taska tadika dan ibu bapa.

Majlis ini mendapat sambutan memberangsangkan daripada ibu bapa dan diserikan lagi dengan sumbangan makanan oleh ibu bapa. Dalam Program ini, Timbalan Pengarah (Khidmat Korporat dan Kewangan), Tuan Haji Mersal bin Abang Rosli, turut hadir sama bagi memeriahkan program tersebut.




Para ibu bapa yang hadir turut merakam kenangan bersama anak-anak dan pelajar *TTYS*.



# HARI KELUARGA YAYASAN SARAWAK 2019

OLEH: Mohd Hanafi bin Malaya

**KUCHING, 23 November 2019** - Setiap tahun Yayasan Sarawak akan mengadakan sambutan Hari Keluarga Yayasan Sarawak yang dikendalikan oleh Kelab Yayasan Sarawak di mana penglibatan adalah daripada warga kerja Yayasan Sarawak dan anak-anak syarikat seperti Sanjung Etika Sdn Bhd dan Petronesa Sdn Bhd.

Edisi Hari Keluarga pada tahun ini telah diadakan pada 23 dan 24 November 2019 bertempat di Hotel UCSI, Kuching. Pelbagai aktiviti pertandingan kumpulan telah diadakan seperti Program Team Building, Pertandingan Memasak, Make-Up dan persembahan. Untuk pertandingan Beyblade, ianya telah dikendalikan oleh pihak Beygome Battle Hobbies Kuching.

Pada keesokan harinya, pihak Biro Wanita Kelab Yayasan Sarawak telah diberi kepercayaan untuk menganjurkan Pertandingan Mewarna bagi kanak-kanak.

Majlis Makan Malam tersebut juga telah mengangkat Tema 70's sekaligus menyaksikan YBhg Pengarah Yayasan Sarawak telah melancarkan logo baharu Kelab Yayasan Sarawak bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Kelab Yayasan Sarawak yang ke-30 semenjak penubuhannya pada tahun 1989.

Aktiviti juga dimeriahkan dengan persembahan daripada setiap kumpulan yang terdiri daripada ABBA, Jackson 5, Black Dog Bone, Bee Gees dan Boney M. Terdapat beberapa kategori yang dipertandingkan seperti Juara Keseluruhan *Team Building*, Persembahan Kumpulan, dan Anugerah *King & Queen* serta *Best Family*.



Salah sebuah kumpulan menjalankan aktiviti Team Building.



Kumpulan ABBA dinobatkan sebagai Juara Kategori Persembahan Kumpulan.



Juara Keseluruhan Kumpulan Hari Keluarga Yayasan Sarawak 2019 dinobatkan kepada Kumpulan Boney M.



Info Sukan, Riadah & Kebajikan



# PASUKAN YAYASAN SARAWAK - PUTERI DANG BALAI RAJA SUNGAI BATANG KAYAN 2019

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang



Pengurus pasukan YS-PDB, Encik Nazri menerima Piala Raja Sungai daripada ADUN N3 Tanjung Datu, YB Datuk Amar Hajah Jamilah binti Haji Anu.

**LUNDU, 6 Oktober 2019** - Tahniah kepada pasukan Yayasan Sarawak - Puteri Dang Balai (YS-PDB) yang telah dinobatkan Raja Sungai Batang Kayan sempena Pesta Regatta Batang Kayan 2019 bagi kategori 30 pengayuh lelaki yang berlangsung di Tebingan Lundu.

Dengan kemenangan itu, pasukan YS-PDB berjaya meraih wang tunai RM5,000 beserta piala dan sijil. Selain itu, pasukan YS-PDB juga turut beroleh kemenangan untuk lain-lain acara dalam 10 kategori yang dipertandingkan.

Kemuncak kepada acara Pesta Regatta Batang Kayan 2019 ialah penyampaian hadiah kepada Juara Raja Sungai iaitu pasukan Puteri Dang Balai Yayasan Sarawak diikuti oleh Burag Terbang iaitu pasukan tuan rumah Lundu dan tempat ke-3 dimenangi oleh pasukan Yayasan Sarawak yang telah disampaikan oleh YB Datuk Amar Hajah Jamilah Haji Anu, Ahli Dewan Undangan Negeri N.3 Tanjung Datu.



SUKAN

Puteri Dang Balai tawan Batang Kayan



Pengayuh YS-PDB merakamkan meraikan saat kemenangan.



# YAYASAN
## SARAWAK JUARA LIGA KUCHING LSC 2019

*OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang*



Jurulatih Firdaus Morshidi dijulang oleh pemain setelah pasukan Yayasan Sarawak bergelar juara liga.

**KUCHING, 10 Disember 2019** - Pasukan Yayasan Sarawak dinobatkan sebagai juara Liga Kuching Edisi 2019 selepas menewaskan Pantai Damai 4 - 3.

Pasukan Yayasan Sarawak yang diketuai oleh Azizan Saperi selaku kapten pasukan terpaksa bermain dengan 10 orang pada sebahagian besar babak kedua akibat seorang pemain dibuang padang telah memulakan perlawanan dengan langkah kiri apabila pasukan Pantai Damai mendahului seawal minit ke-20.

Yayasan Sarawak menyamakan kedudukan pada minit ke 32 melalui jaringan Fikri Zulfika, namun Pantai Damai terus mendahului di hadapan dengan dua gol pada minit ke-59 dan sepakan penalti pada minit ke-66.

Dengan pasukan Pantai Damai semakin menghampiri kejuaraan, Yayasan Sarawak berjaya merapatkan jurang gol pada minit ke-74 oleh Mohd Hadera, sebelum Mohd Dzulazlan Ibrahim menyamakan kedudukan pada minit ke-83.

Dengan kedua-dua pasukan kini terikat 3-3, Hadera muncul wira pasukan Yayasan Sarawak dengan merembat masuk gol kemenangan pada minit ke-90, sekaligus memberikan pasukan Yayasan Sarawak kejuaraan Liga Kuching untuk edisi tahun 2019.

Menurut jurulatih Yayasan Sarawak, Firdaus Morshidi, perubahan formasi pada babak kedua menjadi kunci kejayaan.

"Setelah beraksi dengan 10 pemain (kad merah) kami menukarkan formasi kepada 3-4-2 dan lebih banyak menyerang dan kami berjaya melakukannya," kata beliau.

Bagi Yayasan Sarawak, mereka tiada pilihan, kecuali menang jika mahu juara dan mereka berjaya merealisasikannya.



Mohd Hadera meledakkankan gol kejuaraan pasukan Yayasan Sarawak pada minit ke 90.



Sebahagian daripada penyokong dan pemain turut bersorak gembira atas kemenangan pasukan Yayasan Sarawak.









31/10/2019: Sesi penyerahan bendera kepada pasukan Regatta Sarawak 2019 Yayasan Sarawak-Puteri Dang Balai di Pengkalan Gersik, Petra Jaya, Kuching.





2-3/11/2019: Pasukan Regatta Sarawak 2019 Yayasan Sarawak-Puteri Dang Balai.





26/10/2019: Kelab Yayasan Sarawak turut serta ke DBNA 10 Pin Bowling Tournament di Megalanes Sarawak.

**Sanjung Etika Sdn Bhd (SESB)** was incorporated on 31st March 1997 and the main task is to carry out business and therefore to lead as one of Yayasan Sarawak investment arms. In 2002, SESB was appointed to manage particularly in property management and facilities management for Yayasan Sarawak premises.

Sanjung Etika Sdn Bhd

**Yayasan Sarawak Premises for rent by location:**


Yayasan Sarawak Building, Jalan Masjid, Kuching


Wisma Satok, Jalan Satok, Kuching


Jalan Rock, Batu Lintang Kuching


Demak Laut Commercial Centre, Kuching


Ariva Gateway, Jalan Bukit Mata Kuching


Jalan Pinang Jawa, Gita Kuching


Jalan Padungan, Kuching


Tabuan Jaya, Kuching


Unisquare, Kota Samarahan


Jalan Airport Lama, Kapit


Jalan Club, Sri Aman


Jalan Bangkita, Limbang


Jalan Bulatan Piasau, Miri


Jalan Sommerville, Bintulu




For information, please call

**Faraliza: 017-8135779 (HP)**

**Amir: 016-8846491 (HP)**




Tel: 082-432157 | Fax: 082-432171

http://sesb.org.my/





**WISMA ADENAN**
**JALAN SULTAN TENGAH**
**PETRA JAYA, 93050 KUCHING.**
**+6082 441686**
**+6082 440023**
**+6017 7001971 (ysCARE)**
**ys@yayasansarawak.org.my**
**www.yayasansarawak.org.my**

L O K A S I K A M I

KUCHING | KUALA LUMPUR | LONDON

***BIASISWA***
+6082 441686 samb. 105
+6019 8879114

***PEMBIAYAAN PENDIDIKAN***
+6082 441686 samb. 101
+6019 8151686 (Pinjaman)
+6013 8395244 (Teknikal)

***PROGRAM & BANTUAN***
+6082 441686 samb. 104

***BAYARAN BALIK***
+6082 441686 samb. 102
+6013 803 1158

***PENGURUSAN KHIDMAT KUALITI***
+082 44686 samb. 314

***PERUNDANGAN & PEMATUHAN***
+082 441686 samb. 309

***PENGURUSAN PENGETAHUAN, PRESTASI & PERHUBUNGAN PELANGGAN***
+082 441686 samb. 250

***KOMUNIKASI KORPORAT***
+082 441686 samb. 313

***AUDIT & PENGURUSAN RISIKO***
+082 441686 samb. 315

***PENGURUSAN DATA & MAKLUMAT***
+082 441686 samb. 205

***PENTADBIRAN AM***
+082 441686 samb. 341

***AKAUN***
+082 441686 samb. 201

***TEKNOLOGI MAKLUMAT & PENGURUSAN SISTEM***
+082 441686 samb. 317

***PENGURUSAN SUMBER MANUSIA***
+082 441686 samb. 293

***ASET DAN PEROLEHAN***
+082 441686 samb. 202

***PENGURUSAN HARTANAH, PENGANGKUTAN & FASILITI***
+082 441686 samb. 316

***PENGURUSAN PROJEK***
+082 44686 samb. 216

***PELABURAN AM & SYARIKAT***
+082 441686 samb. 204

***PEJABAT KUALA LUMPUR***
+603 42650619
+603 42661972
W
***RUMAH YAYASAN SARAWAK LONDON***
++44 2088 300165



# Yayasan Sarawak

Website

Student App

www.yayasansarawak.org.my

KUCHING.KUALA LUMPUR.LONDON